

## Pertempuran Slim River 1942: Kepentingan Strategik Tentera British dalam Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu

### *Battle of Slim River 1942: The Strategic Significance of the British Army during the Second World War in Malaya*

Nor Hisham Zulkifle<sup>1\*</sup> & Khairi Ariffin<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak

\*Corresponding author: iesham\_ww2@yahoo.com

#### **Abstrak**

‘Pertempuran Slim River’ yang berlaku pada 7 Januari 1942 merupakan salah satu bencana terburuk tentera British dalam Kempen Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu. Dalam masa yang begitu singkat iaitu kira-kira lima jam sahaja, Divisyen India ke-11 yang terdiri daripada Briged India ke-12 dan 28 telah berjaya dikucar-kacirkan oleh sepasukan kecil tentera Jepun yang hanya terdiri daripada 20 buah kereta kebal dan kira-kira 100 orang tentera infantri. Lebih tragik, tujuh orang pemerintah batalion tentera terbunuh manakala ribuan tentera British yang lain pula berselerakan terperangkap dalam hutan belantara dan akhirnya menjadi tawanan perang Jepun. Pertempuran ini seterusnya menjadi kunci yang membuka kepada kejatuhan Kuala Lumpur pada 11 Januari 1942. Maka itu, Pertempuran Slim River ini begitu penting dalam memberikan pemahaman lanjut mengenai sejarah Perang Dunia Kedua di negara kita. Menerusi kaedah penyelidikan kualitatif, perbincangan artikel ini akan menyingkap semula peristiwa berdarah dalam konflik di Tanah Melayu tersebut secara terperinci daripada sumber tentera British, India dan Jepun dan juga sejarah lisan penduduk setempat yang terlibat. Berdasarkan kepelbagaiannya sumber tersebut, sejarah konflik Peperangan Dunia Kedua di Tanah Melayu ini akan diperihalkan secara kronologi. Artikel ini akan menilai dan membahaskan pendapat tentang kepentingan ‘Pertempuran Slim River’ dalam strategi ketenteraan British mempertahankan Singapura, kubu terkuat di Timur Jauh. Selain daripada itu, artikel ini membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi kekalahan teruk dalam malapetaka Pertempuran Slim River tersebut. Akhir daripada penulisan ini, Pertempuran Slim River ini jelas menjadi satu bukti kepada keberkesanan ketenteraan British yang menemui kegagalan dalam kempen peperangan di Tanah Melayu.

**Kata kunci:** Perang Dunia Kedua; Pendudukan Jepun; Slim River; sejarah ketenteraan

#### **Abstract**

*The Battle of Slim River which took place on January 7, 1942 was one of the worst disasters of the British army in the Second World War Campaign in Malaya. In a short time that is about five hours only, the 11th Indian Division consisting of the 12th and 28th Indian Brigades was successfully defeated by a small Japanese army consisting of only 20 tanks and about 100 infantrymen. More tragically, seven battalion commanders were killed while*

*thousands of other British soldiers were trapped in the wilderness and eventually became Japanese prisoners of war. This battle become the key that opened to the fall of Kuala Lumpur on January 11, 1942. Therefore, this Battle of Slim River is so important in providing further understanding of the history of the Second World War in our country. Through qualitative research methods, the discussion of this article will reveal the bloody events in the conflict in Malaya in detail from British, Indian and Japanese military sources and also the oral histories of the local residents involved. Based on the variety of sources, the history of the Second World War conflict in Malaya will be described chronologically. This article will then evaluate and debate opinions about the importance of the Battle of Slim River in the British military strategy of defending Singapore, the strongest fortress in the Far East. Apart from that, this article discusses the factors that influenced the heavy defeat in the disastrous Battle of Slim River. At the end of this writing, the Battle of Slim River is clearly evidence of the effectiveness of the British military, which failed in the Malaya campaign.*

**Keywords:** Second World War; Japanese Occupation; Slim River; military history

## Pengenalan

*“the tank company arrived at a fifth bridge, which also mined. Watanabe had been wounded in the right hand and could no longer use his sabre, so from inside the tank he fired a machine-gun at the wires until he cut them. The tanks crossed the bridge . . .”* (Tsuji 1997, 140)

Begitulah situasi cemas yang berlaku pada pagi 7 Januari 1942 apabila Lettenan Muda Watanabe tiba di Jambatan Kampung Slim dan segera bertindak bagi menggagalkan percubaan tentera British untuk meletupkannya. Detik-detik sejarah penting dalam kempeta Perang Dunia Kedua ini kekal terpahat menerusi kesan-kesan lubang akibat tembakan mesingan yang terdapat pada jambatan yang merentangi Sungai Slim tersebut. Meskipun jambatan ini tidak berjaya diletupkan pada kira-kira 82 tahun dahulu, Jambatan Bersejarah ‘Pertempuran Slim River’ ini akhirnya runtuh akibat bencana alam pada malam 23 Ogos 2024 baru-baru ini (Sinar Harian 29 Ogos 2024).



**Rajah 1 dan 2:** Jambatan Slim River yang menjadi saksi kepada Pertempuran Slim River 1942. Gambar di sebelah kiri menunjukkan keadaan jambatan pada tahun 2017 dan gambar di sebelah kanan menunjukkan jambatan tersebut runtuh pada 23 Ogos 2024 lalu.

Sumber: Koleksi penyelidik.

Berita kehilangan jambatan bersejarah ini menggemparkan seluruh negara yang telah sekali gus mengangkat semula sejarah ‘Pertempuran Slim River’ yang kian dilupai. Pertempuran Slim River sebenarnya merupakan salah satu pertempuran utama yang terkenal dalam Kempen Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu. Kebanyakan kajian terdahulu seperti Frank Owen (1962), Justin Corfield (2019) dan Mejor Jeneral Woodburn Kirby (1957) menggambarkan Pertempuran Slim River sebagai ‘Bencana Slim River’. Brian Farrell (2005) pula menyatakan bahawa pertempuran ini sebagai Pertempuran Kedua Jitra berdasarkan persamaan signifikan kedua-dua pertempuran tersebut.

Berdasarkan kepentingan Pertempuran Slim River terhadap pensejarahan tanah air, penulisan ini akan menyingkap semula sejarah pertempuran epik tersebut. Perbincangan kajian ini akan terbahagi kepada beberapa bahagian. Bahagian pertama, kajian ini akan dimulai dengan latar belakang Slim River sebelum Perang Dunia Kedua. Seterusnya, bahagian kedua pula akan menfokuskan kepada kronologi pertempuran secara ringkas dan padat. Dalam bahagian ketiga dan keempat, kajian akan membahaskan kepentingan strategi ketenteraan dan faktor-faktor yang menjadikannya sebagai ‘Malapetaka Slim River’ bagi tentera British dalam sejarah Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu. Bagi bahagian terakhir, memori dan pengalaman masyarakat tempatan turut diketengahkan bagi menjelaskan keadaan sebenar peperangan di negara kita.

### **Latar Belakang Slim River**

Slim River merupakan bandar kedua terbesar di daerah Mualim dan terletak kira-kira 20 kilometer utara Tanjung Malim. Dari segi pentadbiran, Slim River berada di bawah pentadbiran Majlis Daerah Batang Padang sebelum dipindahkan ke Majlis Daerah Muallim pada tahun 2016 (Portal Majlis Daerah Muallim 2024). Sebagai pusat pentadbiran bagi Daerah Mualim, terdapat beberapa kemudahan utama seperti Ibu Pejabat Polis Daerah Muallim, Hospital Slim River dan pejabat-pejabat agensi kerajaan di sini. Bentuk muka buminya terdiri daripada kawasan yang berbukit serta dikelilingi dengan ladang getah dan kelapa sawit.

Asal usul nama bandar ini dikatakan berkait rapat dengan Sungai Slim yang dinamakan sempena daripada perkataan ‘seling’. Seling bermaksud sejenis anduhan untuk memunggah muatan ke dalam kapal. Selain itu, ada juga yang menyatakan bahawa nama Slim ini bersempena perkataan ‘Satu Ling’ iaitu ukuran sukatan timbang untuk menyukat atau menimbas barang. Di samping itu, nama Slim juga dikatakan berasal daripada bahasa orang asli yang menjadi sebahagian besar penduduk kawasan ini (Abdur Razzaq Lubis 2021). Menurut Abdur Razzaq Lubis (2021), sebutan Seling menjadi Slim atau ‘Illim’ apabila pentadbiran British bertapak di negeri Perak. Ekoran itu, nama Sungai Seling ini akhirnya menjadi Slim River sehingga kini.

Sejarah Slim River bermula sejak zaman pra-sejarah apabila kawasan sekitarnya menjadi petempatan masyarakat Zaman Logam. Perkara ini dibuktikan dengan penemuan banyak kubur-kubur kepingan batu di sekitar Slim River sejak tahun 1895. Bermula dengan penemuan kubur kepingan batu di Changkat Menteri, beberapa kubur kepingan batu ini ditemui secara tidak sengaja di Sungai dan Slim River pada tahun 1927, diikuti di Ladang Sungai Klah dan Slim River pada tahun 1930 dan Ladang Sungai Kruit pada tahun 1937 (Zuliskandar Ramli 2011; Nazirah Lee et al. 2021). Hasil kajian yang dilakukan terhadap kubur-kubur kepingan batu ini dianggarkan berusia antara kurun ke-4 SM hingga kurun ke-8 Masihi (Zuliskandar Ramli 2011).

Sebelum kurun ke-19, Slim River turut menjadi salah satu kawasan perlombongan bijih timah di daerah Batang Padang. Menurut catatan Birch semasa lawatannya ke Sungai Bernam pada 15 Oktober 1875, beliau menyatakan terdapatnya lombong-lombong bijih timah

berharga di Slim (Burns 1976). Raja Asal iaitu seorang pemimpin orang Mandailing yang merantau dari Selangor ke Perak menjalankan kegiatan melombong bijih timah di Slim ini. Kegiatan perlombongan bijih timah ini tergendala apabila Residen British di Perak, J.W.W. Birch dibunuh pada tahun 1875 (Leech 1879).

Di samping itu, Slim River menjadi lokasi penting yang berada di antara laluan perdagangan darat dari Selat Melaka ke Pahang kerana perahu yang memudiki sungai dari Kuala Bernam akan berhenti di sini sebelum meneruskan perjalanan darat dari Ulu Slim ke Raub. Laluan ini dikenali sebagai jalan penarikan atau ‘Laluan Mat Kilau’ (Nazirah Lee et al. 2021). Perdagangan ini turut meliputi perdagangan emas dan bahan makanan seperti padi. Kesuburan tanah dan kedudukannya yang strategik telah menarik minat ramai orang Melayu merantau ke Slim dan membuka petempatan di sepanjang Sungai Slim.

Berdasarkan lawatan Leech ke Slim pada tahun 1879, beliau menyatakan bahawa penempatan terbesar di Slim terletak di tebing kanan Sungai Slim iaitu Kampung Changkat yang diketuai oleh Penghulu Toh Sempuh (Leech 1879). Birch sebelum itu juga mencatatkan bahawa Datok Sampoh atau Toh Tempoh ini mempunyai pengaruh kuat terhadap orang-orang Asli di sana dan memungut cukai 1/10 ke atas hasil hutan dan rotan manakala \$6 ke atas bijih timah (Burns 1976). Selain daripada Orang Asli, kebanyakan penduduk di Slim terdiri daripada kelompok Melayu Dagang terutamanya masyarakat Mandailing yang diketuai oleh Raja Asal. Mereka menjalankan kegiatan penanaman padi dan hasil padi yang diperolehi kira-kira 800 hingga 1,000 gantang setiap orlong (Leech 1879).


Setelah pentadbiran kolonial British bertapak di Perak, Slim sekali lagi menjadi penting kerana lokasi ini menjadi laluan perhubungan utama dari utara ke Kuala Lumpur. Pihak British membina jaringan jalan raya bagi menghubungkan Slim River dengan Tanjung Malim pada tahun 1899. Oleh sebab jalan ini berliku-liku mengikuti lereng bukit, jalan raya ini amat terkenal dengan nama ‘Jalan Ular’ (Khadijah Moore 2004). Selain itu, sistem perhubungan moden seperti landasan kereta api turut diperkenalkan dari Slim River ke Tanjung Malim pada tahun 1900. Lebih menarik, lebuhraya bertol pertama negara kira-kira 33 kilometer juga dibina antara Slim River ke Tanjung Malim pada tahun 1966. Lebuhraya ini ditamatkan pada tahun 1994 (Utusan Malaysia 10 Mac 2012).

### **Strategi Tentera British Dalam Pertahanan Slim River**

Pada 8 Disember 1941, Perang Dunia Kedua meletus di Tanah Melayu apabila tentera Jepun mendarat di Kota Bharu dan selatan Thailand (Patani dan Singgora) lalu mara ke selatan Tanah Melayu. Selepas Pertempuran Kampar, Divisyen India ke-11 meneruskan semula pengundurannya dari kawasan utara ke kawasan tengah Tanah Melayu. Kepimpinan tentera British di Tanah Melayu yang diketuai oleh Leftenan Jeneral Percival mula menumpukan pertahanan di kawasan di antara Slim River dengan Tanjung Malim. Pemilihan Slim River dibuat oleh Pemerintahan Tentera British di Tanah Melayu pada 23 Disember 1941 dan lokasi ini akan dijadikan satu pertahanan hadapan kepada pertahanan utama di Tanjung Malim (*Percival Despatch No. 297*). Percival bersama Panglima Pemerintah Kor India ke-3, Leftenan Jeneral Heath, Panglima Pemerintah Divisyen India ke-11, Mejar Jeneral Arciball Paris dan Brigadier Ivan Simson, Ketua Jurutera Pemerintahan Tanah Melayu telah melakukan tinjauan dan memilih kawasan Slim River sebagai pertahanan tentera British selepas Kampar.

Tentera British seterusnya membahagikan pertahanan di Slim River kepada dua sektor iaitu Trolak dan Slim River. Sektor Trolak dipertahankan oleh Briged India ke-12 yang dijangkakan mampu melengahkan musuh selama tiga hari. Sektor Slim River pula yang meliputi Kampung Slim akan dipertahankan oleh Briged India ke-28 dan diharapkan dapat menahan kemaraan musuh selama sehari. Sekiranya perancangan taktikal tentera British ini

berjalan lancar, kedua-dua briged tentera British akan dapat menduduki pertahanan utama di Tanjung Malim (Harrison 1941). Tanjung Malim juga dijadikan sebagai Markas Divisyen India ke-11 oleh Paris.



**Rajah 3:** Peta yang menunjukkan kedudukan pertahanan tentera British yang mana terbahagi kepada dua bahagian iaitu Briged India ke-12 di Trolak dan Briged India ke-28 di Kampung Slim hingga ke Jambatan Slim River.

Sumber: Woodburn Kirby, *The War Against Japan Volume 1: Lost of Singapore*. London, HMSO, 1957.

Bagi menjayakan strategi tersebut, kedudukan tentera British disusun secara pertahanan mendalam iaitu di sepanjang jalan utama. Unit tentera simpanan pula akan bertindak sebagai pasukan serangan balas sekiranya terdapat penyusupan musuh. Strategi sebegini dirangka kerana Paris berpendapat bahawa "*In this country there is one and only one tactical feature that matters- the roads. I am sure the answer is to hold the roads in real depth*" (Falk 1975, 148). Beliau menyedari kepentingan jalan raya yang terdapat di Slim River dari Trolak hingga ke Kampung Slim yang perlu dipertahankan oleh tentera British bagi menyekat serangan tentera Jepun kerana laluan ini merupakan satu-satu laluan utama negara.

Pada peringkat awal, Paris mempunyai tiga buah briged tentera iaitu Briged India ke-6/15, Briged India ke-12 dan Briged India ke-28 untuk operasi ketenteraan dalam Pertempuran Slim River ini. Walau bagaimanapun, Heath terpaksa menarik Briged India ke-6/15 untuk menyekat sebarang penyusupan tentera Jepun dari pesisiran laut di Kuala Selangor hingga ke Rawang (Moffatt 2014). Berikut merupakan kedudukan pasukan-pasukan tentera British mengikut sektor:

#### a. Sektor Trolak

Sektor ini ditugaskan kepada Briged India ke-12 yang diketuai oleh Brigadier Ian Stewart dan meliputi kira-kira 7 batu jauhnya. Batalion ke-4 Rejimen Hyderabad ke-19 (Batalion 4/19 Hyderabad) ditempatkan di kedudukan paling utara sebagai ‘outpost’ manakala Batalion ke-5 Rejimen Punjab ke-2 (Batalion 5/2 Punjab) berada di belakang unit Hyderabad iaitu di Batu 61 dan 62 sebagai pertahanan utama. Sementara itu, Batalion ke-2 Argyll & Sutherland Highlander diletakkan untuk mempertahankan Pekan Trolak. Batalion ke-5 Rejimen Punjab ke-14 (Batalion 5/14 Punjab) pula akan bertindak sebagai pasukan simpanan. Sektor ini turut dibantu oleh

unit Bateri Anti-Kereta Kebal ke-215 dan dua bateri unit artileri daripada 137th Field Regiment.

b. Sektor Slim River

Sektor yang dipertanggungjawabkan kepada Briged India ke-28 pimpinan Brigadier W.R. Selby ini meliputi dari Stesen Kereta Api Slim yang memanjang ke timur iaitu Ladang Clunny dan Jambatan Kampung Slim. Briged ini terdiri daripada tiga batalion askar Gurkha<sup>1</sup> yang merupakan Batalion ke-2 Rejimen Gurkha Rifle ke-2 (Batalion 2/2 Gurkha) ditempatkan di barat Slim River bagi mempertahankan stesen dan jambatan kereta api manakala Batalion ke-2 Rejimen Gurkha Rifle ke-9 (Batalion 2/9 Gurkha) diletakkan di timur Slim River dan Batalion ke-2 Rejimen Gurkha Rifle Pertama (Batalion 2/1 Gurkha) bertahan di Ladang Clunny. Sektor ini turut dibantu oleh unit Bateri Anti-Kereta Kebal ke-215, unit artileri daripada 155th Field Regiment dan 16th Light Anti-Aircraft Battery Hong Kong Singapore Royal Artillery (HKSRA).

Berdasarkan kedudukan yang ditetapkan oleh Paris ini, kedua-dua briged tentera British ini diatur gerak untuk kerja-kerja membina kubu pertahanan pada lewat petang 4 Januari 1942 (Moffatt 2014). Proses menggali pertahanan ini mengambil masa kira-kira dua hari ekoran gangguan daripada serangan udara tentera Jepun

### **Kepentingan Slim River Dalam Strategi Pertahanan Imperial British Di Tanah Melayu**

Ancaman serangan tentera Jepun terhadap Tanah Melayu dan Singapura dalam Perang Dunia Kedua sudah dikenalpasti oleh pakar-pakar ketenteraan British sejak tahun 1930-an. Percival sendiri bersama Mejor Jeneral William Dobbie juga terlibat dalam kajian pertahanan Tanah Melayu pada tahun 1937. Lantaran itu, pihak British memperkenalkan dasar pertahanan imperial yang dikenali sebagai Strategi Singapura bagi mempertahankan Tanah Melayu dan Singapura ini. Menerusi strategi tersebut, pasukan tentera British di Tanah Melayu akan bertahan sehingga pasukan bantuan tiba dan menyerang balas semula musuh daripada Singapura.

Apabila peperangan meletus, kepentingan Slim River terbukti apabila menjadi salah satu lokasi pertahanan untuk melengahkan kemaraan tentera Jepun ke Singapura. Tambahan pula dengan kegagalan pertahanan hadapan dan Operasi Matador dalam Strategi Singapura, Percival tidak mempunyai pilihan lain dalam merangka strateginya mempertahankan Singapura. Beliau terpaksa memilih Slim River kerana kedudukannya yang terletak di utara Kuala Lumpur dan menjadi kunci laluan ke pusat pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu tersebut. Menurut Loius Allen (1977):

*“When the Japanese penetrated the Slim River position, the British had definitely lost North Malaya and the largest city in Malaya, Kuala Lumpur, lay open to the Japanese.”*

Tambahan pula, Kuala Lumpur memiliki dua kepentingan ketenteraan British yang perlu dipertahankan daripada jatuh ke tangan tentera Jepun iaitu Lapangan Terbang Sungai Besi, Depot Senjata Kor India ke-3 dan Port Swettenham. Kehilangan kepentingan tentera British akan memberikan ancaman terhadap konvoi bantuan tentera British dari luar yang sedang menuju ke Singapura. Oleh itu, pertahanan di Slim River mestilah melengahkan seberapa lama mungkin dan memberikan kesan kepada tentera Jepun. Perkara ini jelas dinyatakan dalam laporan Percival yang terdapat dalam buku Warren (2002) seperti berikut:

*“Percival ordered Heath to deny the Japanese the aerodromes of Kuala*

*Lumpur and Port Swettenham until at least 14 January . . . Percival urged Heath to delay the Japanese and to accept casualties up to a reasonable limit."*

Percival sekali menekankan kepentingan Slim River ini menerusi arahan yang dikeluarkan oleh Heath pada 6 Januari 1942: "*Orderly withdrawal whilst inflicting maximum delay and casualties*" (Harrison 1941, 67). Selain itu, kepentingan kedua Slim River dalam strategi ketenteraan British adalah menjadi pertahanan hadapan kepada Tanjung Malim. Berdasarkan perancangan strategi tentera British, pertahanan di Slim River lebih bersifat kepada tindakan melengahkan tentera Jepun dan pertahanan utama adalah Tanjung Malim. Pertahanan di Tanjung Malim didirikan kira-kira dua batu utara daripada bandar tersebut dan kerja-kerja pembersihan dilakukan oleh tenaga buruh. Kedudukan ini akan dipertahankan oleh Briged India ke-12 dan dibantu oleh Briged India ke-28 sebagai pasukan simpanan. Namun begitu, perancangan tersebut tidak dapat direalisasikan ekoran kekalahan teruk tentera British dalam Pertempuran Slim River.

Akhir sekali, kepentingan Slim River dalam strategi imperial tentera British di Tanah Melayu adalah dari segi bentuk muka bumi yang berpotensi sebagai halangan anti-kereta kebal yang terbaik. Warren menyatakan bahawa bentuk muka bumi Slim River sebagai "*The best defensive terrain in Malaya*" (Warren 2002, 129). Kawasan Slim River ini terdiri daripada kawasan yang berbukit bukau yang dipenuhi dengan ladang-ladang getah yang bersempadan dengan hutan tebal. Kawasan ini juga hanya boleh dilalui menerusi satu laluan jalan raya yang sempit dan landasan kereta api. Perkara ini sudah pasti akan menyukarkan kereta kebal tentera Jepun untuk menembusi halangan mahupun pertahanan tentera British.

Menurut Simson, beliau juga memilih Slim River kerana potensi kawasan ini sebagai pertahanan anti-kereta kebal yang berkesan. Beliau begitu yakin dengan penggunaan silinder konkrit yang diletak di sana mampu menyekat kemaraan kereta-kereta kebal tentera Jepun dan sekali gus memusnahkannya. Berdasarkan perancangan Simson ini, Slim River berpotensi sebagai "*Good position to trap and punish any enemy filleting attack led by tanks*" (Farrell & Pratten 2009, 117; Simsons 1970, 65).

Bagi pihak tentera British, topografi Slim River terutamanya sektor Trolak amat penting kerana jalan raya dan landasan kereta api terletak bersebelahan dan selari ini sejauh kira-kira 4 batu. Kawasan laluan yang sempit ini akan memudahkan mereka menahan serangan tentera Jepun dan berpotensi menjadi zon membunuh (Farrell 2005). Perkara ini terbukti apabila Batalion 5/2 Punjab berjaya menyekat kemaraan kereta kebal Jepun di kawasan tersebut. Sekiranya tentera Jepun berjaya disekat di koridor sempit ini, tentera British boleh menggunakan kuasa tembakan artileri untuk memusnahkan musuh seperti dinyatakan oleh Brian Farrell (2005) seperti berikut:

*"This was ideal spot to bring down pre-register artillery fire on the narrow road defile once tanks were engaged, or to use the guns in a direct fire anti-tank role."*

Walaupun Slim River dianggap sebagai halangan anti-kereta kebal terbaik, bentuk muka bumi sebenarnya tidak sebaik Kampar dan Tanjung Malim untuk keberkesanan kuasa tembakan artileri sebagai pertahanan anti-kereta kebal. Perkara ini diakui oleh Louis Allen (1977) seperti berikut: "*Unlike the Kampar position, the country offered little change of effective artillery action.*"

Tambahan pula, kawasan ini mempunyai kelemahan iaitu jalan raya dan landasan kereta api terpisah kira-kira 16 batu di Slim River dan hanya bertemu semula di Tanjung

Malim. Menurut Brian Farrell (2005), beliau menyatakan bahawa: “*Slim River was not as naturally strong as Kampar or Tanjung Malim, but it had possibilities.*”

Kesimpulannya, kepentingan Slim River dari aspek kedudukan dan bentuk muka bumiannya amat jelas dalam memastikan keberkesanan strategi imperial British mencapai objektifnya. Seperti yang dirangka oleh Percival, pertahanan Slim River mampu memberikan masa kepada ketibaan bantuan ketenteraan British dari luar dan mempertahankan utara Kuala Lumpur. Slim River juga menjadi pertahanan hadapan kepada pertahanan yang kukuh di Tanjung Malim.

### **Pertempuran Slim River**

Ekoran Pertempuran Kampar yang menyaksikan kemaraan tentera Jepun tersekut selama empat hari, tentera Jepun tanpa melenggahkan masa meneruskan kemaraan mereka ke selatan untuk menakluk Singapura dalam tempoh masa 100 hari. Kemaraan pantas yang dikenali sebagai ‘kirimomi sakusen’<sup>2</sup> ini bertujuan untuk memberikan tekanan terhadap tentera British sekali gus menghalang musuh mempunyai masa untuk membina pertahanan yang kukuh.

Pada pagi 5 Januari 1942, unit-unit peninjau hadapan tentera Jepun mendekati jambatan kereta api di Sungkai yang menjadi pertahanan hadapan Kompeni A, Batalion 4/19 Hyderabad. Tentera Jepun mulai membedil kawasan ini. Tidak lama kemudian, kira-kira dua kompeni unit infantri daripada Rejimen ke-42 Tentera Jepun tiba dan melakukan serangan terhadap pertahanan unit 4/19 Hyderabad ini (Harrison 1941; Kirby 1957; Warren 2002). Pasukan Hyderabad ini berjaya menghalang kemaraan tentera Jepun tersebut dan mengakibatkan seramai 60 orang tentera Jepun terbunu.

Walaupun mengalami kemalangan teruk, tentera Jepun sekali lagi melancarkan serangan hebat pada pukul 5.00 petang. Mejor Brown yang mengetuai pertahanan di Sungkai ini terpaksa menghubungi Stewart bagi memohon kebenaran untuk berundur. Mejor Brown hanya mendapat kebenaran tersebut daripada Brigadier Mejor kerana Stewart tiada di markas briged. Apabila Stewart kembali ke markas, beliau segera mengarahkan pengunduran tersebut dibatalkan tetapi pasukan 4/19 Hyderabad sudah berundur sepenuhnya (Harrison 1941; Warren 2002).

Sementara itu, tentera Jepun turut melakukan serangan udaranya terhadap beberapa kedudukan tentera British di Tanjung Malim dan Jambatan Slim River. Serangan ini mengakibatkan kemalangan kecil. Unit A dan B daripada pasukan 16th Light Anti-Aircraft Battery Hong Kong berjaya bertindak balas dengan menembak jatuh dua buah kapal terbang Jepun dan merosakkan sebuah lagi dalam serangan udara tersebut (Harrison 1941).

Lantaran tentangan hebat yang dihadapi ini, Kolonel Tadao Ando yang mengetuai Rejimen ke-42 Tentera Jepun terpaksa menundukkan serangannya dan menunggu ketibaan pasukan kereta kebal daripada Rejimen Kereta Kebal ke-6 yang dipimpin oleh Mejor Hajime Shimada. Dalam strategi menyerang Slim River, Kolonel Ando telah mengambil langkah berhati-hati dan merancang dengan teliti dengan melakukan penyusupan melalui hutan dalam serangan terhadap musuh di Trolak manakala selebihnya tenteranya yang dibantu oleh kereta kebal akan melakukan serangan mengikuti jalan utama.

Dalam perbincangan tersebut, Mejor Shimada mencelah dengan mencadangkan serangan kereta kebal yang diketuaunya dilakukan pada waktu malam. Sekiranya cadangannya tidak berjaya, Kolonel Ando masih boleh meneruskan strategi asalnya. Hasilnya, Ando mempersetujui cadangan Shimada pada 6 Januari 1942 (Allen 1977). Persiapan dilakukan oleh tentera Jepun dengan satu batalion bersama kereta kebal bersedia untuk terus mara manakala dua batalion lagi akan melakukan penyusupan menerusi hutan. Pasukan kereta kebal Mejor Shimada terdiri daripada 20 buah yang diketuaui oleh Leftenan

Sadanobu Watanabe memulakan operasi serangannya dengan dibantu oleh satu kompeni infantri dan tentera jurutera daripada Rejimen Jurutera Bebas ke-15 yang dipimpin oleh Leftenan Morokuma.<sup>3</sup>

Pada pukul 3.30 pagi 7 Januari 1942, kereta kebal Jepun mula menyerang kedudukan pertahanan tentera British di Batu 60 Trolak dengan serangan mortar dan artileri (Harrison 1941; *Percival Despatch* No 294). Pasukan tentera Jepun seterusnya berjaya mengalihkan halangan silinder konkrit anti-kereta kebal yang dipasang di situ. Batalion 4/19 Hyderabad yang berada di pertahanan hadapan memberikan tentangan kepada kemaraan tentera Jepun tersebut. Akibat terputus hubungan dengan bantuan tembakan artileri dan ketiadaan senjata anti-kereta kebal, tentera-tentera India ini mampu bertahan selama 15 minit dan saki bakinya terpaksa berundur menerusi landasan kereta api.

Mejar Shimada meneruskan kemaraan pasukan kereta kebalnya ke pertahanan tentera British seterusnya iaitu Batalion 5/2 Punjab di Batu 61 Trolak. Kira-kira pukul 4.30 pagi, sebuah kereta kebal tentera Jepun musnah akibat periuk api yang terdapat di hadapan pertahanan Kompeni D Batalion 5/2 Punjab (Harrison 1941). Pertempuran meletus dan dua buah lagi kereta kebal tentera Jepun binasa akibat letupan periuk api yang mengakibatkan kereta kebal yang lain tersekat. Peluang ini digunakan oleh tentera-tentera Punjab ini untuk memusnahkan sebuah lagi kereta kebal musuh dengan melontarkan Molotov cocktail.

Walau bagaimanapun, kereta-kereta kebal tentera Jepun berjaya menembusi pertahanan Kompeni D Batalion 5/2 Punjab ini apabila menemui jalan lama yang tidak dihalang dan meneruskan kemaraan mereka. Tentera-tentera Punjab ini segera berundur ke pertahanan Kompeni B Batalion 5/2 Punjab di Batu 62 Trolak. Pemerintah Batalion 5/2 Punjab, Leftenan Kolonel Deakin segera menelefon ke markas Briged untuk memaklumkan serangan tentera Jepun ini tetapi tidak lama kemudian, kesemua talian perhubungan terputus.

Dalam pukul 5.30 pagi, pertempuran berlaku selama sejam di sektor pertahanan utama Batalion 5/2 Punjab di Batu 62. Sebuah kereta kebal Jepun meletup akibat terlanggar periuk api manakala sebuah lagi musnah akibat tembakan senjata rifle anti-kereta kebal. Tentangan hebat pasukan 5/2 Punjab ini sekali lagi berjaya diatasi oleh pasukan tentera Jepun yang berjaya menemui jalan lama dan memintas pertahanan ini. Leftenan Kolonel Deakin bersama saki baki anggotanya seramai 30 orang berundur ke selatan.



**Rajah 4:** Sisa-sisa jalan lama di Trolak yang mana laluan ini digunakan oleh tentera Jepun untuk melintasi pertahanan Batalion 5/2 Punjab.

Sumber: Koleksi penyelidik.

Pengunduran askar-askar Punjab tersebut memberikan amaran awal kepada pertahanan pasukan Batalion ke-2 Argyll & Sutherland Highlanders di Trolak. Dua sekatan jalan raya segera didirikan. Pada pukul 6.30 pagi, empat buah kereta kebal Jepun tiba dan melepas sekatan pertama pasukan tentera British berbangsa Scotland tersebut. Pasukan Argyll menyangkakan keempat-empat kereta kebal itu adalah kenderaan *universal carrier* milik tentera Punjab. Lebih malang, mereka tidak mempunyai meriam penangkis kereta kebal dan hanya menggunakan meriam tersebut yang dibawa berundur oleh askar Punjab.

Untuk menghalang kereta-kereta kebal Jepun ini melintasi Jambatan Trolak, tentera British meletakkan kereta perisai mereka sebagai halangan. Hal ini kerana jambatan tersebut tidak dipersiapkan oleh unit jurutera tentera British untuk meletupkannya. Leftenan Sadanobu Watanabe yang mengetuai barisan kereta kebal Jepun ini segera turun daripada kereta kebalnya dan memotong wayar peledak letupan dengan pedang sabrenya (Tsugi 1997; Warren 2002). Selepas itu, Watanabe meneruskan kemaraannya ke selatan. Di sekatan ini, sebuah kereta kebal Jepun berjaya dimusnah dengan molotovs oleh tentera British.

Kira-kira pukul 8.30 hingga 9.00 pagi, lebih banyak kereta-kereta kebal dan tentera Jepun yang tersekut di Batu 62 mula tiba di Jambatan Trolak yang dipertahankan oleh pasukan Argyll (Moffatt 2014). Pemerintah pasukan Argyll, Leftenan Kolonel L.B. Robertson terpaksa mengarahkan semua pengangkutan mereka dimusnahkan dan saki baki tenteranya berundur ke Slim River melalui hutan. Hanya sebahagian kecil sahaja yang terselamat, ramai daripada tentera British ini tersesat di dalam hutan dan mati akibat penyakit. Selebihnya daripada mereka ini berjaya ditangkap oleh tentera Jepun. Robertson terbunuh dalam satu serangan hendap ketika berundur selepas beberapa minggu kemudian.<sup>4</sup>

Tanpa menyedari pertempuran yang berlaku di Trolak, Batalion 5/14 Punjab bergerak menuju ke selatan pekan tersebut. Mereka ini akhirnya bertembung dengan kereta-kereta kebal Jepun yang diketuai oleh Watanabe di satu batu utara Slim River pada pukul 7.30 pagi. Nasib malang menimpa mereka apabila dalam beberapa minit sahaja, kereta-kereta kebal Jepun melepaskan tembakan dan membunuh sebahagian besar tentera-tentera India ini termasuklah pegawai pemerintahnya, Leftenan Kolonel Stokes (Harrison 1941).

Watanabe meneruskan pergerakannya dan tiba di Slim River pada pukul 8.00 pagi. Di sini, tentera-tentera British daripada Batalion 2/2 Gurkha dan 2/9 Gurkha segera menyedari serangan kereta kebal Jepun tersebut lalu memberikan tembakan balas dan lontaran bom tangan. Sayangnya, mereka ini tidak mempunyai sebarang senjata anti-kereta kebal. Kereta-kereta kebal Jepun tersebut hanya melintasi pertahanan askar-askar Gurkha ini dan bertemu dengan pasukan 2/1 Gurkha yang sedang bergerak ke Ladang Clunny. Pasukan askar Gurkha ini menerima nasib yang sama seperti pasukan 5/14 Punjab tadi apabila ditembak daripada belakang oleh kereta kebal Jepun. Leftenan Kolonel Fulton selaku pegawai pemerintah Batalion 2/1 Gurkha ini cedera teruk dan cuba menembak dirinya sendiri di bahagian kepala tetapi mati dalam tawanan Jepun di Taiping. Saki baki unit ini terpaksa dipimpin oleh Mejar W.J. Winkfield yang telah digambarkan serangan ini oleh Warren (2002) seperti berikut:

*“I knew was a gun and machine gun blazing in my ear, a bullet grazed my leg, and I dived into the ditch as a tank bore down on me. It had passed though half of my battalion without my realising anything was amiss.”*

Selepas memusnahkan pasukan askar Gurkha, kereta kebal Jepun ini seterusnya memusnahkan pasukan perubatan tentera British daripada 36th Field Ambulance di Batu 71 dan 72. Mereka ini bergerak lagi dan tiba di Ladang Clunny pada pukul 8.15 pagi. Di sini, mereka berjaya membinaaskan pasukan artileri tentera British daripada 137th Field Regimet yang sedang berehat menikmati sarapan pagi mereka. Keadaan teruk di Ladang Clunny ini direkod dengan jelas oleh Leftenan Kolonel Harrison dalam buku Warren (2002) seperti

berikut:

*“The ammunition trucks and limbers were burning hard, and shells were exploding and bullets cracking all round the place. I saw an ambulance bumping drunkenly over the broken ground till it hit a tree and overturned.”*

Pada pukul 8.40 pagi, Watanabe bersama kereta kebalnya akhirnya tiba di jambatan yang merentangi Sungai Slim yang terdapat di Kampung Slim. Tentera British yang berada di atas jambatan itu terdiri daripada 16th Light Anti-Aircraft Battery Hong Kong and Singapore Royal Artillery dan beberapa askar jurutera terkejut dengan kemunculan kereta musuh tersebut. Mereka segera melepaskan tembakan menggunakan meriam anti-kapal terbang Bofors ke arah kereta kebal Jepun itu tetapi tidak memberikan kesan. Watanabe sebaliknya melepaskan tembakan balas menggunakan mesingan kereta kebalnya dan menyebabkan tentera-tentera British tersebut melarikan diri. Askar jurutera British tidak sempat untuk meletupkan jambatan itu. Watanabe bertindak pantas menembak mesingannya terhadap wayar elektrik peledak letupan yang dipasang dan menawan Jambatan Slim ini (Tsuji 1997).

Bagi memastikan keselamatan jambatan tersebut, Watanabe mengarahkan beberapa buah kereta kebal tentera Jepun yang lain untuk melakukan tinjauan ke selatan. Kereta kebal tentera Jepun ini akhirnya bertembung dengan pasukan artileri tentera British daripada 155th Field Regiment. Meskipun Leftenan Kolonel Murdoch iaitu pegawai pemerintahnya terbunuh, pasukan artileri tentera British ini yang dipimpin oleh Kapten Gordon Brown berjaya memusnahkan sebuah kereta kebal Jepun yang diketuai oleh Leftenan Pertama Sato (Harrison 1941; Warren 2002). Tindakan ini akhirnya menyebabkan baki kereta kebal tentera Jepun berundur semula ke Jambatan Slim dan serangan kereta kebal Jepun ini berhenti pada jam 9.30 pagi (Stille 2016).

Sementara itu, pasukan tentera British iaitu 2/2 dan 2/9 Gurkha masih lagi bertahan dan bertempur dengan tentera Jepun di Slim River. Mulai pukul 4.00 petang, unit-unit askar Gurkha ini diarahkan berundur ke jambatan kereta api Slim River yang telah dimusnahkan. Mereka terpaksa bersusah payah untuk menyeberangi Sungai Slim untuk berundur ke Tanjung Malim pada jam 7.30 malam. Di Tanjung Malim, kesemua saki baki tentera British dari Briged India ke-12 dan 28 tiba dengan selamat (Harrison 1941). Kekuatan pasukan tentera British ini boleh dikatakan hancur musnah. Contohnya, Briged India ke-12 hanya 14 orang pegawai dan 409 orang anggota sahaja yang berjaya dikumpulkan semula manakala Briged India ke-28 hanya tinggal 750 orang anggota sahaja (Warren 2002; Kirby 1957).

Bagi melindungi pengunduran tersebut, Paris segera mengatur gerak pasukan meriam anti-kereta kebal, 350th Field Battery dan 155th Field Regiment untuk menyekat sebarang ancaman tentera Jepun di utara Tanjung Malim. Heath pula mengarahkan Batalion 2/16 Punjab dari Briged India ke-6/15 di Rawang digerakkan ke Tanjung Malim untuk membantu pertahanan di sana (Kirby 1957; Warren 2002). Pada 8 Januari 1942, keseluruhan tentera British berundur meninggalkan Tanjung Malim dengan kesan mendalam secara tidak langsung terhadap sejarah perperangan dunia kedua di Tanah Melayu. Sebulan selepas itu, tentera Jepun berjaya mendarat di Singapura dan diakhiri dengan penyerahan kalah tentera British pada 15 Februari 1942.

## Faktor-Faktor Kegagalan Operasi Ketenteraan British Dalam Pertempuran Slim River

*“After nineteen hours’ continuous and desperate fighting, our troops had destroyed two enemy brigades and gained the greatest victory of the campaign in Malaya up to that date.”* (Tsuji 1997, 142)

Begitulah kenyataan Tsuji dalam memoirnya bagi menggambarkan kejayaan terhebat tentera Jepun menewaskan tentera British dalam Pertempuran Slim River. Ekoran serangan mengejut oleh kereta-kereta kebal Jepun, tentera Jepun meraih kemenangan besar kerana telah berjaya menawan dan memusnahkan tentera serta peralatan perang milik tentera British. Tsuji mencatatkan mereka berjaya menawan sejumlah besar persenjataan tentera British iaitu 13 laras meriam berat, 15 buah meriam penangkis kereta kebal, 20 buah kenderaan traktor meriam, enam laras meriam anti-kapal terbang, 50 buah kereta perisai ringan dan 550 buah kereta di ladang getah (Tsuji 1997).

Selain itu, tentera Jepun turut berjaya menguasai bekalan peluru, makanan dan perubatan untuk dua briged tentera selama sebulan. Tentera Jepun menggelarkan hasil tawanan mereka ini sebagai ‘Bekalan Churchill’. Di samping itu, kira-kira hampir 3,200 orang tentera British terutama askar India menyerah diri atau berjaya ditawan oleh tentera Jepun dalam pertempuran ini (Frei 2004). Akhbar Jepun, *Japan Times and Advertiser* bertarikh 8 April 1942 menyatakan bahawa Pertempuran Slim River ini sebagai ‘completely choked the life out of the British forces’ (Hack & Blackburn 2004, 68).

Lantaran itu, Stanley L. Falk (1975) menegaskan bahawa Pertempuran Slim River merupakan bencana kepada Kor India ke-3 dan kemenangan gemilang buat Divisyen ke-5 Tentera Jepun. Tidak dinafikan situasi ini banyak dipengaruhi oleh faktor kelebihan tentera Jepun yang menggunakan serangan mengejut pada waktu malam dan penggunaan kereta kebalnya. Meskipun begitu, banyak punca tercetusnya situasi tersebut wujud daripada aspek kelemahan ketenteraan British. Beberapa faktor dikenalpasti yang menyumbang kepada kegagalan operasi ketenteraan British dalam Pertempuran Slim River iaitu keletihan dan moral yang rendah dalam kalangan anggota Divisyen India ke-11, kekurangan senjata anti-kereta kebal, jalan lama yang terdedah, kelemahan kepimpinan tentera British dan kekurangan sistem komunikasi.

Faktor utama yang amat mempengaruhi kegagalan operasi ketenteraan British dalam menentang tentera Jepun dalam Pertempuran Slim River ialah keletihan dan moral yang rendah anggota-anggota tentera British daripada Divisyen India ke-11. Perkara ini dinyatakan dengan jelas dalam laporan Percival yang telah meletakkan punca sebenar kepada bencana Slim River ini adalah disebabkan oleh keletihan para anggota tentera daripada anggota biasa hingga pegawai (*Percival Despatch No. 297*). Akibatnya, mereka tidak dapat bertindak dengan baik dalam pertempuran.

Kebanyakan unit-unit tentera British daripada divisyen ini agak keletihan dan tidak mempunyai masa rehat yang cukup. Mereka ini sudah bertempur dalam tempoh hampir sebulan sejak 8 Disember 1941 serta mengalami kekalahan demi kekalahan dalam beberapa pertempuran di utara Tanah Melayu seperti Jitra dan Gurun. Perkara ini sedikit sebanyak menjelaskan moral dan semangat juang tentera-tentera British apabila bertahan di Slim River. Percival (*Percival Despatch No. 297*) dalam catatannya menjelaskan keadaan yang dialami oleh anggota tenteranya seperti berikut:

*“They had been fighting and moving by day and by night for a month, and few of them had had any proper rest or relief. In the exhausting and enervating climatic and topographical conditions of Malaya this is far too long. [...] Without reserves we were able to do neither.”*

Menurut Kirby (1957), keletihan melampau tentera British tersebut turut dirakam sendiri oleh Leftenan Kolonel Deakin yang menjelaskan bahawa anggota-anggota tenteranya dari Batalion 5/2 Punjab di Trolak seperti berikut:

*“The battalion was dead tired; most all the commanders, whose responsibilities prevented them from snatching even a little fitful sleep. The battalion had withdrawn 176 miles in three weeks and had only three days’ rest. It had suffered 250 casualties of which a high proportion had been killed. The spirit of the men was low and the battalion had lost 50 per cent of its fighting efficiency.”*

Lebih memburukkan keadaan sehingga moral dan semangat juang tentera British ini runtuh adalah serangan bertubi-tubi oleh kapal-kapal terbang Jepun sehinggakan kerja-kerja membina pertahanan terpaksa dilakukan pada waktu malam. Serangan udara tersebut turut memcederakan dan mengorbankan ramai tentera British di Slim River. Menurut Kirby (1957), Deakin menggambarkan situasi tersebut pada 5 Januari 1942 seperti berikut:

*“... I found a most lethargic lot of men who seemed to want to do nothing but sit in slit trenches. They said they could not sleep because of the continued enemy air attacks. In fact, they were thoroughly depressed.”*

Stanley L. Falk (1975) dalam bukunya merumuskan faktor keletihan melampau yang dialami oleh tentera British seperti berikut:

*“..the 11th Division was mentally and physically exhausted by a month of uninterrupted combat, by constant batterings and withdrawals, by repeated aerial attacks, and by a fatiguing and enervating tropical climate whose effects were increased by all the other circumstances.”*

Selain daripada pengaruh keletihan, moral dan keupayaan tentera British bertempur dengan baik dalam Pertempuran Slim River turut dijejaskan dengan propaganda anti-British yang tersebar dalam kalangan tentera-tentera India. Kapten Mohan Singh bekerjasama dengan Mejari Fujiwara Iwachi menubuhkan Tentera Kebangsaan India (INA) yang terdiri daripada tawanan-tawanan perang pada 31 Disember 1941. Menerusi unit propaganda, INA menggugurkan risalah-risalah yang menyeru tentera-tentera India bertaling tada dan menyertai mereka di Trolak dan Slim River (Khoo Salma Nusotion & Abdur Razzaq Lubis 2005). Buktinya, krew-krew meriam anti-kereta kebal yang ditempatkan di hadapan pertahanan Batalion 4/19 Hyderabad lari meninggalkan senjata dan kedudukan mereka semasa serangan bermula pada pukul 3.00 pagi 7 Januari 1942 (Prasad 1960; Smith 2005). Selain itu, sebahagian besar tentera British yang menyerah diri dan menjadi tawanan perang Jepun juga adalah askar-askar India.

Selain itu, faktor kedua yang membawa kepada kekalahan teruk tentera British dalam Pertempuran Slim River ialah isu kelemahan pertahanan anti-kereta kebal. Percival sendiri mengakui kelemahan pertahanan anti-kereta kebal ini dalam laporannya (*Percival Despatch No. 297*). Tentera-tentera British yang bertahan di Trolak dan Slim River tidak disediakan dengan senjata anti-kereta kebal secukupnya samada meriam penangkis ataupun senapang anti-kereta kebal. Menurut laporan Percival, setiap batalion hanya memiliki dua laras senjata anti-kereta kebal sahaja dan terdapat juga unit-unit ini yang langsung tidak mempunyai senjata demikian (*Percival Despatch No. 293*). Menurut Kaushik Roy (2019), situasi ini turut dilaporkan oleh Kolonel Harisson seperti berikut:

*“In the 28th Indian Brigade, no battalion had more than two A/T rifles and some even had none. Only the 5th/14th Punjab attached to the 12th Indian Brigade had eleven A/T rifles.”*

Senjata pertahanan anti-kereta kebal yang digunakan oleh tentera British dalam Pertempuran Slim River ini juga agak menyedihkan. Mereka menggunakan meriam penangkis Breda, rifle anti-kereta kebal Boys dan Molotov Cocktail. Meriam penangkis Breda bukanlah meriam anti-kereta kebal buatan British tetapi meriam ini sebenarnya adalah meriam tentera Itali yang ditawan di Afrika Utara. Selain itu, mereka juga menggunakan senapang anti-kereta kebal Boys yang hanya dapat memusnahkan kereta kebal ringan sahaja. Ekoran berat, senjata ini biasanya agak sukar untuk dibawa dan kebiasaannya akan ditinggalkan oleh tentera British apabila berundur. Bagi menggantikan kekurangan senjata anti-kereta kebal, tentera British menggunakan ‘Molotov Cocktail’ iaitu botol yang diisi dengan petrol. Kebiasaannya, tentera akan membaling botol petrol ini ke arah kereta kebal bagi mencetuskan kebakaran dan mengganggu ruang lihat pemandu kereta kebal sahaja (Smith 2005).

Lebih memburukkan keadaan, tentera British terutamanya askar-askar India tidak menerima latihan secukupnya untuk mengendalikan senjata anti-kereta kebal yang terdapat pada mereka (Kaushik Roy 2019). Maka tidak hairanlah, sebahagian kecil mereka lari meninggalkan senjata apabila berhadapan dengan serangan kereta kebal tentera Jepun. Kaushik Roy (2019) menjelaskannya:

*“Well-trained infantry with A/T weapons could have made mincemeat of such a tank attack. However, Percival’s troops were not well-trained, and proper use of the few available A/T weapons was not made.”*

Di samping itu, pertahanan anti-kereta kebal juga tidak didirikan dengan baik. Penggunaan halangan kereta kebal seperti silinder konkrit dan periuk api tidak berada dalam keadaan memuaskan. Kira-kira 40 buah daripada 1,400 buah periuk api dalam simpanan Divisyen India ke-11 yang digunakan dalam Pertempuran Slim River. Contohnya, Briged India ke-12 hanya dibekalkan hanya 24 buah periuk api dan bekalan silinder konkrit untuk dua halangan jalan raya sahaja (Farrell & Pratten 2009; Kirby 1957). Sekiranya pasukan tentera British di Slim River diberikan bekalan pertahanan anti-kereta kebal yang cukup, mereka mampu memberi tentangan hebat kepada kereta kebal Jepun seperti tindakan Batalion 5/2 Punjab yang telah dibekalkan 24 buah periuk api (Warren 2002).

Berkaitan dengan silinder konkrit, Brigadier Ivan Simsons dalam memoirnya turut memberikan komen terhadap keberkesanan penggunaannya sebagai pertahanan anti-kereta kebal dalam Pertempuran Slim River. Beliau menyatakan terdapat lambakan silinder konkrit diletakkan di Slim River tetapi silinder konkrit ini tidak digunakan dengan betul kerana ketiadaan garis panduan yang dibekalkan oleh Kor India ke-3 kepada Jabatan Kerja Raya. Akibatnya, silinder-silinder konkrit ini hanya diletakkan tanpa dikunci dengan rantai dan mudah dialihkan oleh musuh (Simsons 1970).

Faktor seterusnya yang menyumbang kepada kegagalan operasi ketenteraan British dalam Pertempuran Slim River ialah ketiadaan sokongan kuasa tembakan artileri. Kuasa tembakan artileri tentera British dalam kempen peperangan di Tanah Melayu tidak dapat dinafikan sebagai salah satu kekuatan mereka dalam memberikan kemalangan besar terhadap tentera Jepun. Penggunaan senjata artileri ini diakui berkesan dan menakutkan tentera Jepun semasa awal Pertempuran Jitra dan Pertempuran Kampar.

Namun dalam Pertempuran Slim River, penggunaan kuasa artileri amat terhad. Hanya satu pasukan kecil daripada 137th Field Regiment sahaja ditempatkan bersama pertahanan hadapan manakala yang lain direhatkan di Ladang Clunny. Pasukan artileri daripada 155th pula ditempatkan pula berada di selatan Slim River. Menurut Brian Farrell (2005), Paris dan Stewart sependapat bahawa penggunaan artileri adalah tidak sesuai dengan bentuk muka

bumi Slim River dan Trolak yang tidak mempunyai ruang tembakan yang jelas. Hal ini dinyatakan oleh Brian Farrell (2005) seperti berikut:

*“Paris and Stewart then decided there was little scope to employ artillery in this area. Only one field regiment stayed up front to support the division, and only one of its batteries went into firing position.”*

Seterusnya, kekalahan tentera British dalam Pertempuran Slim River juga berpunca daripada faktor jalan lama yang terdedah. Pertahanan tentera British di Slim River terutamanya Trolak amat bergantung terhadap sekatan-sekatan di sepanjang laluan utama yang sempit. Meskipun begitu, laluan utama ini mengalami proses pelurusan jalan sebelum Disember 1941 dan meninggalkan lopong-lopong pendek jalan lama sejauh hampir 3,700 el. Kira-kira terdapat tiga lopong jalan lama ini iaitu di Batu 60, Batu 61 dan Batu 62. Jajaran jalan lama ini tidak digunakan lagi serta dipenuhi semak samun (Kirby 1957).

Semasa Pertempuran Slim River berlaku, laluan-laluan lama ini tidak ditutup atau dipasang halangan silinder konkrit mahupun periuk api. Maka, tentera Jepun yang menemui lopong-lopong jalan lama ini telah menggunakan untuk menyusup dan mengepung kedudukan pertahanan tentera British di sekitar Trolak. Perkara ini dinyatakan oleh Farrell & Pratten (2009) seperti berikut: *“The Japanese knew there were road loops, knew where the main defensive positions were, and expected the cover of darkness to confuse the defenders.”*

Kemudian, isu kekurangan alatan komunikasi turut menjadi faktor yang menyumbang kepada kegagalan strategi ketenteraan British dalam Pertempuran Slim River. Atas sebab kekurangan talian telefon, pasukan tentera British di perbatasan tidak menerima sebarang amaran serangan musuh dan menyebabkan mereka tidak bersedia dengan kejutan serangan musuh (Allen 1977; Kirby 1957). Maklumat perkembangan pertempuran hanya dapat disalurkan melalui penyampai maklumat yang menaiki motor sahaja.

Buktinya, tiada sebarang berita dilaporkan apabila kereta-kereta kebal tentera Jepun mula menyerang pertahanan hadapan Batalion 4/19 Hyderabad. Lebih memburukkan keadaan, pemerintahan Briged India ke-12 turut memutuskan talian perhubungan pada pukul 5.00 pagi (Kirby 1957). Hal ini menyebabkan pasukan tentera British di lokasi lain tidak mengetahui apa yang berlaku. Perkara ini jelas terjadi apabila unit jurutera tentera British gagal meletupkan jambatan di Trolak dan Slim River kerana tidak menerima berita kehadiran kereta-kereta kebal Jepun.

Akhir sekali, faktor kelemahan kepimpinan tentera British dalam Pertempuran Slim River juga turut menjadi punca utama kepada kehancuran tentera British di tangan tentera Jepun dengan mudah. Pemimpin-pemimpin tentera British seperti Percival, Paris dan Stewart didapati melakukan beberapa kesilapan dalam tindakan mereka mengendalikan pasukan tentera British di Slim River. Seperkara lagi kebanyakannya pemimpin tentera British yang terlibat ini tidak mempunyai kelayakan dan latihan untuk memimpin dengan baik. Mereka juga didapati masih mengulangi kesilapan yang berlaku dalam Pertempuran Jitra. Tegas Warren (2002) dalam bukunya:

*“The Anglo-Indian defenders of Malaya seemed to have learnt nothing since the opening of the campaign. Of course neither General Paris nor Brigadier Stewart had been present at Jitra, and the fighting along the rugged Griek road which earned them promotion had not involved tanks.”*

Dalam Pertempuran Slim River, Percival masih lagi cuba mengekalkan strategi melengahkan musuh. Hal ini sekali gus memberikan bebanan yang tinggi terhadap pasukan tentera British terutamanya Divisyen India ke-11 yang mengalami keletihan teruk. Percival

didapati berkeras tidak mahu menggerakkan pasukan lain dari selatan untuk menggantikan Divisyen India ke-11 tersebut. Apabila tumbangnya pertahanan di Slim River tersebut, Warren (2002) menjelaskan: “*Percival had paid a heavy price for refusing to swap the exhausted division with fresh troops sitting idle at Singapore and Johore.*”

Di samping itu, Brigadier Stewart turut menjadi individu utama yang dipersalahkan atas kelemahan dan kesilapan tindakannya mengatur gerak Briged India ke-12 dalam Pertempuran Slim River. Antara kesilapan yang dilakukan oleh Stewart ialah tidak menggunakan sokongan artileri dengan baik. Dalam pertempuran ini, pasukan artileri Briged India ke-12 tidak melepaskan satu pun tembakan terhadap tentera Jepun (Warren, 2002). Stewart turut mengakui kesilapan beliau tidak menggunakan artileri sebagai senjata anti-kereta kebal. Beliau juga menyatakan bahawa tiada latihan bersama yang dilakukan bersama dalam pertahanan anti-kereta kebal sebegini: “*I had never taken part in an exercise embodying a coordinated anti-tank defence or this type of attack. The use of tanks on a road at night [was] a surprise*” (Warren 2002, 144).

Selain kesilapan itu, Stewart turut dikritik kerana melakukan tindakan salah dengan mendirikan markas brigednya terpencil jauh daripada sektor pertahanan pasukan tenteranya di Trolak. Kedudukan yang terpencil itu menyukarkan beliau berhubung dengan pasukan-pasukan tentera yang dipimpinnya. Menurut Stewart, beliau terpaksa mendirikan markas brigednya di bukit terpencil pinggir Trolak kerana terdapatnya markas divisyen di Trolak semasa awal ketibaan beliau di situ. Apabila markas divisyen dipindahkan ke Tanjung Malim, beliau tidak dapat memindahkan lagi markasnya kerana staf-stafnya berada dalam keletihan (Warren 2002). Selepas perang tamat, Stewart menyatakan bahawa: “*I am rightly criticised for the location of Brigade Headquarters, and for not using the Field Artillery in an anti-tank role*” (Warren 2002, 144).

Secara keseluruhannya, Pertempuran Slim River jelas didapati menjadi bencana kepada tentera British dalam kempen peperangan di Tanah Melayu. Pertempuran ini lebih menjurus kepada kekalahan terburuk tentera British kerana banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor kelemahan yang terdapat dalam sistem ketenteraan British sendiri. Kelemahan-kelemahan tersebut seterusnya memberikan kemenangan mudah dan besar kepada tentera Jepun dalam masa sehari sahaja. Paul Knapp & Cable Ross (2023) menyatakan bahawa: “*The battle also shows how mistakes at tactical level can have an operational and even strategic effect.*”

### **Penglibatan Penduduk Tempatan Dalam Pertempuran Slim River**

Topik Perang Dunia Kedua termasuklah Pertempuran Slim River amat kurang dikenalpasti dan masih begitu asing dalam pensejarahan tanah air. Hal ini diakui oleh Andrew Barber (2012) yang menyatakan bahawa rakyat Malaysia menganggap Perang Dunia Kedua bukan perang kita kerana Tanah Melayu hanyalah menjadi medan perebutan antara kuasa kolonial sahaja. Namun, sebenarnya terdapat ramai penduduk tempatan yang terlibat dalam konflik peperangan di Tanah Melayu ini dan sejarah penglibatan mereka ini perlu ditonjolkan. Dalam Pertempuran Slim River ini, terdapat beberapa individu atau komuniti setempat yang turut sama terlibat bersama-sama tentera British atau Jepun.

Sebelum Pertempuran Slim River meletus, bukti penglibatan penduduk tempatan jelas direkodkan apabila mereka menyampaikan maklumat kepada tentera British mengenai kemaraan ‘kapal-kapal besi’ iaitu kereta-kereta kebal tentera Jepun di Sungkai pada 6 Januari 1942. Buktinya, seorang budak Melayu yang disoal siasat oleh tentera British telah memberitahu terdapat ramai askar Jepun dan kereta kebal yang berkumpul (Allen 1977). Maklumat yang sama juga dimaklumkan oleh pelarian-pelarian Cina dari Kampar dan buruh-buruh Tamil mengenai Jambatan Sungkai sudah dibaiki dan kereta-kereta kebal Jepun berada

lapan batu di utara Trolak (Kirby 1957; Warren 2002; Kaushik Roy 2019). Malangnya, Stewart yang menerima maklumat ini hanya menyangkakan bahawa kapal besi yang diberitahu oleh penduduk sebagai lori-lori tentera Jepun sahaja.<sup>5</sup>

Di samping itu, terdapat juga penduduk tempatan yang terlibat dalam membantu serangan tentera Jepun. Mereka ini lebih terlibat dalam satu kumpulan sayap yang dikenali sebagai ‘Fifth Column’. Tugas utama mereka adalah untuk mengumpulkan maklumat perisikan mengenai kekuatan pertahanan tentera British dan menyebarkan propaganda anti-British. Mustapha Hussain (1999) iaitu salah seorang pemimpin Kesatuan Melayu Muda yang terpaksa mengikuti Fujiwara Fikan<sup>6</sup> turut berkongsi pengalaman beliau semasa melintasi kawasan Slim River selepas pertempuran tamat:

“Slim River telah dikuasai oleh Jepun pada 7 Januari 1942. Askar-askar Jepun menggunakan lubang-lubang di tepi-tepi jalan Slim River untuk melindungi diri masing-masing daripada ledakan dan bedilan tentera British. ... saya lihat di Slim River, lima buah tank Jepun, jenis ringan sahaja, telah memecah-belah dan memporak-perandakan beribu-ribu orang askar British, Australia dan India hingga mereka terpaksa meninggalkan bertimbun-timbun bekalan senjata, peluru, makanan, ubat-ubatan dan mayat-mayat yang bergelimpangan.”

Kebanyakan penduduk tempatan yang lain berlindung di kawasan selamat dan pedalaman semasa berlakunya Pertempuran Slim River. Mereka yang pulang ke kediaman apabila pertempuran berakhirnya. Salah seorang daripada penduduk tempatan yang menyaksikan keadaan pertempuran ini ialah Mohd Yusoff Bin Md Taib.<sup>7</sup> Mohd Yusoff yang semasa itu sedang menuntut Darjah 3 telah menceritakan bahawa turut terlibat dalam latihan peperangan dijalankan di Slim Village sebagai persediaan menghadapi peperangan. Beliau juga menyaksikan empat buah kapal terbang Jepun berlegar dan mengebom Kampung Slim (Bual Bicara Sejarah Lisan 1 Muzium Pendidikan Nasional UPSI 19 Januari 2022). Serangan ini dipercayai adalah serangan udara Jepun terhadap Jambatan Kampung Slim pada 5 Januari 1942. Ekoran peristiwa tersebut, Mohd Yussof bersama keluarganya berlindung ke kawasan pendalam.

Selepas Pertempuran Slim berakhir, Mohd Yusoff menjelaskan terdapat banyak timbunan senjata dan peralatan perang tentera British ditinggalkan di Kampung Slim. Kebanyakan senjata-senjata ini diambil oleh penduduk kampung. Perkara ini turut disaksikan oleh Ong Boon Hua @ Chin Peng (2003) yang menulis dalam memoirnya, *My Side of History* seperti berikut:

*“... I had been weapon-gathering in the Slim River area. ... There were abandoned British weapons everywhere. Tommy guns, Bren guns, 303 rifles, ammunition and all sorts of military field equipment.”*

Selain itu, segelintir penduduk tempatan terutamanya orang Cina yang terlibat dalam membantu tentera-tentera British telah terpisah dalam hutan daripada pasukan utamanya semasa Pertempuran Slim River. Mereka bertindak memberikan makanan dan penunjuk arah bagi tentera-tentera British ini menyelamatkan diri daripada kekejaman tentera Jepun (Warren 2002).<sup>8</sup> Penglibatan dan pengalaman penduduk tempatan dalam Pertempuran Slim River ini berjaya melahirkan satu perspektif baharu iaitu sejarah Perang Dunia Kedua dari kaca mata tempatan yang nyata berbeza dengan kajian-kajian terdahulu oleh ahli sejarah luar negara. Sesungguhnya, Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu bukan hanya melibatkan anggota-anggota tentera British dan Jepun tetapi penduduk tempatan turut mengambil


bahagian mengangkat senjata atau membantu pihak yang berperang.

### Kesimpulan

Pertempuran Slim River merupakan satu percubaan terakhir tentera British dalam menyekat kemaraan tentera Jepun di Tanah Melayu dengan mudah sekiranya berjaya. Hal ini tercusus atas keyakinan tentera British terhadap bentuk muka bumi Slim River sebagai pertahanan anti-kereta kebal yang berkesan. Meskipun begitu, harapan ini musnah dalam tempoh masa lima jam sahaja apabila tentera Jepun menggunakan taktik serangan kilat kereta kebal (blitz tank) pada waktu malam. Divisyen India ke-11 yang terdiri daripada Briged India ke-12 dan Briged India ke-28 yang bertanggungjawab mempertahankan Slim River terus lumpuh akibat kemalangan yang besar. Kekalahan teruk ini akhirnya menamatkan usaha tentera British mempertahankan kawasan tengah Tanah Melayu dan Kuala Lumpur serta mula beralih ke pertahanan terakhir di utara Johor.

Dalam menyingkap semula sejarah Pertempuran Slim River yang berlaku kira-kira lebih daripada 82 tahun ini, pelbagai perkara yang dapat diperolehi untuk memahami peristiwa berdarah dalam sejarah konflik di negara kita. Pertempuran tersebut bukan sahaja memaparkan pertembungan dua kuasa dunia dalam menguasai negara ini tetapi mengetengahkan memori-memori hitam penduduk tempatan dalam menempuh zaman peperangan. Perkara-perkara ini akan terus menjadi topik perbincangan bagi kajian-kajian akademik pada masa hadapan.

Meskipun kebanyakan individu yang terlibat dan tinggalan perang yang sudah tiada, usaha-usaha untuk memperingati Pertempuran Slim River tetap digerakkan oleh pelbagai pihak seperti institusi pendidikan seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak (UPSI) dan badan bukan kerajaan (NGO) seperti Persatuan Kumpulan Sejarah Malaya (MHG). Sejak tahun 2021, usaha memartabat sejarah Pertempuran Slim River telah dilakukan dengan pemasangan semula papan tanda sejarah di Jambatan Slim Village dan Jambatan Lama Trolak oleh Persatuan Kumpulan Sejarah Malaya. Selain itu, Muzium Pendidikan Nasional UPSI turut menganjurkan seminar pencejahanan ‘Battle of Slim’ (BH Ahad 5 September 2021).



**Rajah 5 dan 6:** Papan tanda sejarah Pertempuran Slim River yang didirikan oleh Persatuan Kumpulan Sejarah Malaya (MHG) dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 27 Ogos 2021. Di sebelah kanan ialah gambar Mohd Yussof, penduduk tempatan yang menjadi saksi kepada Pertempuran Slim River.

Sumber: Koleksi Penyelidik.

Kesemua usaha tersebut menjadikan sejarah Pertempuran Slim River ini sebagai satu nilai tambah kepada sejarah Slim River khususnya dan Daerah Muallim amnya. Pertempuran ini juga berpotensi menjadi satu produk pelancongan sejarah dan warisan setempat yang berkonsepkan ‘muzium terbuka’. Tambahan pula, tinggalan seperti Jambatan Lama Trolak, silinder konkrit anti-kereta kebal Trolak, sisa-sisa Batu Peringatan Tentera Jepun dan Ladang Clunny masih boleh dilawati. Bagi Jambatan Slim Village yang runtuh, kesan sejarah Pertempuran Slim River telah berjaya diselamatkan oleh pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris dengan kerjasama Persatuan Kumpulan Sejarah Malaya sebagai artifak sejarah di Muzium Pendidikan Nasional dan terdapat juga cadangan agar sebahagian kecil sisa jambatan lama ini dijadikan sebagai Memorial Pertempuran Slim River kelak.<sup>9</sup>



**Rajah 7, 8 dan 9 (Dari kiri ke kanan):** Gambar menunjukkan kesan tembakan yang terdapat pada Jambatan Slim River.

Sumber: Koleksi Penyelidik.



**Rajah 10, 11, 12 dan 13 (Dari kiri ke kanan):** Gambar menunjukkan penemuan silinder konkrit anti-kereta kebal di Jambatan Trolak oleh Persatuan Kumpulan Sejarah Malaya (MHG).

Sumber: Koleksi Penyelidik.

## Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang menyumbang kepada kejayaan kajian ini terutamanya Encik Shaharom Ahmad daripada Persatuan Kumpulan Sejarah Malaya (MHG), Muzium Pendidikan Nasional UPSI dan beberapa individu lain secara langsung dan tidak langsung yang terlibat.

## Nota

1. Gurkha merupakan satu suku kaum yang terdapat di Nepal dan terkenal dengan keberanian dalam ketenteraan. Kebanyakan mereka menganggotai pasukan tentera British atau India.
2. Kirimomi Sakusen atau dikenali sebagai driving change merupakan satu taktik

- ketenteraan untuk memberikan tekanan terhadap musuh dengan pantas. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk, Lyman, Robert, *The Generals: From Defeat To Victory, Leadership In Asia 1941-1945*, London, Constable, 2008, hlm. 29.
3. Pasukan kereta kebal yang dipimpin oleh Mejai Shimada terdiri daripada 17 buah kereta kebal sederhana Type 89 I-Go dan 3 buah kereta kebal ringan Type 95 Ha-Go. Menurut Brian Farrell (2005), jumlah kereta kebal tentera Jepun ini ialah 30 buah. Lihat juga, Tsuji, Kolonel Masnobu, *Japan's Greatest Victory Britain's Worst Defeat*, hlm. 139.
  4. Menurut Jonathan, Robertson bersama kumpulan kecil tenteranya berjaya berundur sehingga ke Labis, Johor dan beliau dipercayai terbunuh dalam serangan hendap tentera Jepun pada hari pertama selepas kejatuhan Singapura. Sila rujuk, Moffatt, Jonathan & McCormick, *Moon Over Malaya*, hlm. 127.
  5. *Operation of 8 Aust. Div. In Malaya 1941-1942*, hlm. 20. Lihat juga, Warren, Alan, *Singapore 1942*, hlm. 134.
  6. Fujiwara Fikan merupakan satu unit perisikan tentera Jepun yang bekerjasama dengan golongan anti-British untuk menentang British semasa Perang Dunia Kedua. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Azharuddin Mohamed Dali, *Sejarah Perisikan Di Malaysia*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka, 2014.
  7. Penduduk Slim Village dan seorang bekas Guru Besar. Temu bual dijalankan oleh penyelidik di Slim Village pada 16 September 2021.
  8. Untuk mengetahui lanjut mengenai pertolongan penduduk tempatan terhadap tentera British yang menyelamatkan diri akibat Pertempuran Slim River, sila rujuk bab 3 buku Jonathan Moffat, *Moon Over Malaya*, hlm. 127-141.
  9. Tinggalan jambatan Battle of Slim perlu disimpan di muzium, *Sinar Harian*, 28 Ogos 2024 dan Tinggalan Battle of Slim dipindahkan hujung tahun, *Sinar Harian*, 29 Ogos 2024.

## Rujukan

- Abdullah Zakaria Ghazali & Mohd Radzi Ahmad, *Perak: Warisan, Budaya dan Sejarah*. Kuala Lumpur, Persatuan Muzium Negara, 2011.
- Abdur Razzaq Lubis, *Tarikh Raja Asal: Derap Perantauan Kaum Mandailing Dari Sumatra ke Tanah Semenanjung*. Pulau Pinang, Areca Books, 2021.
- Allen, Louis, *Singapore 1941-1942*. Singapore, MPH Distributors (S) Pte Ltd, 1977.
- Azharuddin Mohamed Dali, *Sejarah Perisikan Di Malaysia*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka, 2014.
- Barber, Andrew. *Kuala Lumpur At War 1939-1945*. Kuala Lumpur, Karamoja, 2012.
- Bual Bicara Sejarah Lisan 1 Muzium Pendidikan Nasional UPSI, 19 Januari 2022.
- Burns, P.L., *The Journal of J.W.W. Birch, The First British Resident to Perak 1874-1875*. Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1976.
- Chin Peng, *My Side of History*. Ipoh, Media Masters Publishing, 2003.
- Corfield, Justin, *The Fall Of Singapore: The Battle For Malaya 1941-1942*. Singapore, Talisman Publishing Pte Ltd, 2019.
- Falk, Stanley. L, *Seventy Days to Singapore*. London, Robert Hale, 1975.
- Farrell, Brian, *The Defence and Fall of Singapore 1940-1942*. Stroud, Tempus, 2005.
- Farrell, Brian & Garth Pratten, *Malaya 1942*. Canberra, Army History Unit, 2009.
- Frei, Henry, *Guns of February*. Singapore, National University of Singapore, 2004.
- Hack, Karl & Blackburn, Kevin, *Did Singapore Have To Fall*. London, Routledge Curzon, 2004.
- Harison, Colonel A.M.L., *11th Indian Division Malaya Part XI-XIII*. Unpublished History of 11th Indian Division and its operations in the Malayan campaign, by Col. A.M.L.

- Harrison (GSO1 of Division) [11th Indian Division history], 1941.
- Kaushik Roy, *Battle For Malaya: The Indian Army In Defeat, 1941-1942*. Indiana, Indiana University Press, 2019.
- Khadijah Moore, Wendy, *Malaysia A Pictorical History 1400-2004*. Kuala Lumpur, Archipelago, 2004.
- Khoo Salma Nusotion & Abdur Razzaq Lubis, *Kinta Valley: Pioneering Malaysia's Modern Development*. Ipoh, Perak Academy, 2005.
- Kirby, Woodburn, *The War Against Japan Volume 1: Lost of Singapore*. London, HMSO, 1957.
- Knapp, Paul & Ross, Cable, *Battlefield Study Guide: Malaya Campaign 1941-42*. Butterworth, Rifle Company Butterworth, 2023.
- Leech, H.W.C., About Slim and Bernam, *JSBRAS* Vol. 4, 1879.
- Lebuh Raya Pertama Slim River-Tanjung Malim, *Utusan Malaysia*, 10 Mac 2012.
- Lyman, Robert, *The Generals: From Defeat To Victory, Leadership In Asia 1941-1945*, London, Constable, 2008
- Menjulang kesan sejarah negara, *BH Ahad*, 5 September 2021.
- Moffatt, Jonathan & McCormick, Audrey Holmes, *Moon Over Malaya : The 2nd Argylls & Plymouth Argyll Royal Marines In Malaya & Singapore*. Stroud, Spellmount, 2014.
- Mustapha Hussain, *Memoir Mustapha Hussain : Kebangkitan Nasionalisme Melayu Sebelum UMNO*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka, 1999.
- Nazirah Lee et al., Mukim Slim: Tapak Pelancongan Sejarah di Perak, *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 17 issue 2, 2021.
- Owen, Frank, *The Fall Of Singapore*. London, Pan Books Ltd, 1962.
- Operation of 8 Aust. Div. In Malaya 1941-1942*.
- Percival, Lieutenant General Arthur E., *Operations of Malaya Command, from 8 December 1941 to 15 February 1942 (Percival Despatch)*. London Gazette of 20 February 1948, 26 February 1948.
- Prasad, Bisheshwar, *Official History of Indian Armed Forces in the Second World War 1939-1045 : Campaign in South-East Asia*. Kanpur, Orient Longmans, 1960.
- Rafe Rahmat & Hairul Anuar, *Malaya 1941*. Kuala Lumpur, Patriot Publishing, 2020.
- Sejarah Ringkas Daerah Muallim*, dipetik dan diubahsuai daripada Portal Majlis Daerah Muallim, <https://ptg.perak.gov.my/portal/web/muallim/latar-belakang?target=sejarahdaerah>
- Simsons, Ivan, *Singapore Too Little, Too Late*. Kuala Lumpur, UMCB Publication, 1970.
- Smith, Colin, *Singapore Burning: Herosim & Surrender in World War II*. London, Penguin Book, 2005.
- Stille, Mark, *Malaya and Singapore 1941-42: The Fall of Britain's Empire in the East*. Oxford, Osprey Publishing, 2016.
- Temu bual Mohd Yusoff Bin Md Taib di Slim Village pada 16 September 2021.
- Tinggalan Battle of Slim dipindahkan hujung tahun, *Sinar Harian*, 29 Ogos 2024.
- Tinggalan jambatan Battle of Slim perlu disimpan di muzium, *Sinar Harian*, 28 Ogos 2024.
- Tsuji, Kolonel Masnobo, *Japan's Greatest Victory Britain's Worst Defeat*. UK: Spellmount Publishers Ltd, 1997.
- Warren, Alan, *Singapore 1942 Britain's Greatest Defeat*. Singapore, Talisman, 2002.
- Zuliskandar Ramli, Penggunaan Manik Sebagai Artifak Budaya Dalam Masyarakat Kuno Lembah Bernam dan Kuala Selinsing, dalam Abdullah Zakaria Ghazali & Mohd Radzi Ahmad, *Perak: Warisan, Budaya dan Sejarah*. Kuala Lumpur, Persatuan Muzium Negara, 2011.